

AMALAN PERLADANGAN TERNAKAN YANG BAIK

Integrasi Lembu Pedaging

I. LOKASI LADANG DAN PRASARANA

- a) Pembinaan kandang yang bersesuaian dan dari bahan yang tahan serta kawasan ternakan mestilah sekurang-kurangnya 5 km dari kediaman.
- b) Jalan ladang hendaklah sempurna dan boleh dilalui oleh kenderaan.
- c) Terdapat sumber air yang bersih dan memiliki tempat menyimpan air jika berjauhan dari sumber air yang sedia ada.
- d) Memiliki kemudahan 2 set pagar elektrik yang terdiri dari energiser, wire, tiang dan bateri.
- e) Kemudahan koral hendaklah di tahap yang baik dan boleh menampung antara 200-300 ekor lembu setiap program Lawatan Terancang dan Berjadual (LTJ) dilaksanakan serta terletak di tempat yang strategik.

II. PENGURUSAN TERNAKAN INTEGRASI

- a) Pemilihan baka yang baik dan nisbah jantan dan betina adalah pada kadar 1 jantan untuk 20 ekor betina.
- b) Pemilihan ternakan teliti dan bebas penyakit berjangkit dan ternakan baru mestilah di kuarantin sekurang-kurangnya 14 hari.
- c) Anak baru lahir mesti diberikan penjagaan yang rapi dan pastikan mendapat susu awalan kolostrum dari ibu seawal-awalnya 24 jam pertama.

- d) Kesihatan anak diberikan perhatian utama dan pusatnya hendaklah disapu ubat nyah kuman/disinfektan pada 12 jam pertama (eg. tincture iodine).
- e) Pengurusan pembiakan yang baik menitikberatkan cerai susu anak lembu antara 6 ke 12 bulan.
- f) Lembu dara pengganti mulai dibiakkan ketika berumur 18 ke 24 bulan atau berat badan antara 180 kg - 220 kg.
- g) Anak lembu jantan untuk baka terpilih sesuai dibiakkan mulai umur 30-36 bulan atau berat badan mencapai 200 kg - 250 kg.
- h) Ibu yang lepas beranak dibiakkan semula antara 60 ke 90 hari atau selepas 3 kali pusingan biang.
- i) Prestasi kadar kelahiran antara 65% ke 85%.
- j) Tahap kematian anak pada kadar kurang 10%.
- k) Kematian dewasa kurang 3%.
- l) Purata kematian gerompok kurang dari 5%.
- m) Pengurusan pemakanan hendaklah seimbang di mana kadar pengambilan rumput tidak kurang dari 10% berat badan.
- n) Purata kadar pertumbuhan badan (ADG) anak antara 0.35 kg ke 1.0 kg/hari.
- o) Secara amnya kadar muatan yang ideal adalah 4 hektar untuk setiap ekor bibit.
- p) Asas integrasi adalah ragutan pusingan dan masa untuk satu pusingan lengkap dicadangkan antara 60 ke 120 hari (puratanya 90 hari).

- q) Hadkan pergerakan ternakan. Pengangkutan ternakan menggunakan lori yang sesuai dan ruang untuk setiap ekor lembu antara 1.5 ke 20 kaki persegi.
- r) Keselesaan, keselamatan dan kesihatan lembu semasa pengangkutan dititik beratkan. Pemberian ant/stress/multi vitamin 7 hari sebelum/selepas pengangkutan.

III. PENGURUSAN PERSONEL

- a) Pekerja merupakan aset utama bidang usaha. Ujian kesihatan pekerja dilaksanakan setiap tahun yang meliputi penyakit berjangkit seperti tuberkulosis dan HIV terutama buruh asing iaitu mengikut tatacara semasa pihak imigresen.
- b) Program latihan setiap anggota mestilah berjadual dari masa ke semasa.
- c) Kemudahan *uniform* yang bersesuaian untuk pekerja patut disediakan.
- d) Kemudahan kebajikan pekerja hendaklah diutamakan seperti tempat tinggal, jika ladang luas maka karavan mudah alih perlu diadakan.
- e) Setiap pekerja mesti didedahkan dengan program baru dan hendaklah diberikan kefahaman kepada sistem akreditasi ladang.

IV. PENGURUSAN KESIHATAN TERNAKAN INTEGRASI

KAWALAN PENYAKIT

- a) Hanya ternakan yang pasti status bebas penyakit dibawa masuk ke dalam gerompok baru.

- b) Ujian penyaringan darah dilakukan sekurang-kurangnya sekali setahun terutamanya untuk penyakit berekonomik (eg. Brusellosis, Johnes & Tuberkulosis).
- c) Khidmat Pengembangan Veterinar (terutamanya LTJ) diperoleh secara berkala dari Pihak Berkuasa Veterinar yang terdekat.
- d) Program pelalian dilaksanakan setahun sekali (eg. Brusellosis, H.S. & F.M.D.)

PROGRAM KESIHATAN CEROMPOK

- a) Ternakan yang sakit hendaklah diasingkan segera dan dirawat secara berasingan.
- b) Program pemberian ubatan berdasarkan kepada keperluan dan keadaan tertentu (eg. ubat cacing & pemberian antibiotik).
- c) *Withdrawal period* antibiotik dan penggunaan ubat-ubatan lain mengikut garis panduan pengeluar.
- d) Penyakit wabak, infeksi dan merbahaya mesti dilaporkan segera kepada pihak berkuasa veterinar terdekat. Lembu perlu diasingkan segera dan perawatan atau pun penakaian diselaraskan.
- e) Sebarang kematian lembu mesti dilaporkan kepada pihak berkuasa veterinar terdekat dan *autopsi* dilakukan dengan sempurna. Bangkai mesti dilupuskan dengan cara menanam sekurang-kurangnya 7 kaki lebar.
- f) Penggunaan ubatan hanya yang diluluskan oleh pihak berkuasa dan mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai yang bertauliah.
- g) Sebarang kejadian wabak penyakit mestilah melaporkan kepada pegawai pejabat veterinar yang berhampiran dalam tempoh 24 jam daripada tanda klinikal yang dikesan.

V. BIOSEKURITI

- a) Pemilihan lokasi ternakan integrasi amat penting. Terletak di kawasan zon bebas penyakit (eg. Brucellosis, H.S, F.M.D, dll.)
- b) Penggunaan pagar elektrik adalah untuk pengawalan ragutan di samping pengawalan keselamatan dan elemen asas sistem integrasi.
- 1 c) Percampuran ternakan perlu dihadkan dan kawalan pergerakan dan keselamatan melalui pergerakan sehalu.
- d) Hadkan pergerakan pelawat dan hanya pekerja serta pegawai dari pihak berkuasa veterinar sahaja yang boleh mendekati lembu. Pelawat hanya dibenarkan meninjau gerompok ternakan dari jarak 30 meter.
- e) Kemudahan disinfektan sentiasa disediakan terutamanya untuk kenderaan dan peralatan (eg. Mnderos^R).
- f) Program sanitasi dilaksanakan dengan sempurna dengan meletakkan 'footdip' di hadapan pagar elektrik ataupun pintu masuk ke gerompok lembu.
- g) Program kawalan makhluk perosak dilaksanakan, terutamanya untuk bahan makanan lembu.
- h) Kebersihan stor penyimpanan makanan, ubatan dll hendaklah diberi tumpuan.
- i i) Bahan-bahan buangan ternakan dan sisa perubatan sesuai dilupuskan secara baik contohnya ditanam sedalam 1.5 meter.

VI. REKOD

- a) Sistem penyimpanan rekod yang sistematik.
- b) Rekod sentiasa kemaskini dan mudah diperolehi.
- c) Sistem pengenalan lembu sesuai dan mudah diadaptasikan (eg. Double ear tagging).
- d) Sistem pelaporan secara berkala dan membenarkan pihak berkuasa veterinar terdekat membuat pemeriksaan ke atas rekod lembu pada setiap masa dikehendaki.

VII. PEMASARAN

- a) Sistem pemasaran yang cekap dan sistematik serta mempunyai pasaran yang terjamin.
- b) Pembekalan ternakan secara berkekalan dan mempunyai pelanggan yang tetap.
- c) Memiliki pusat jualan ternakan (PJT) yang khusus dan ditadbir secara yang baik.

VIII. KERJA SAMA DENGAN PENGURUSAN LADANG

- a) Pengurusan ladang mengikuti pergerakan dan kemajuan projek ternakan.
- b) Penggunaan baja dan racun rumpai diselaraskan sebagai pendapatan tambahan pengusaha.
- c) Kawalan rumpai dikontrakkan kepada pengusaha.

- d) Perbincangan antara pengurusan ladang dan pengusaha secara berkala.

IX. SISTEM AKREDITASI

- a) Pengauditan dalaman dilaksanakan secara berkala dengan lebih kerap.
- b) Pengauditan luaran akan dijalankan oleh pihak berkuasa veterinar secara berkala (eg. Setahun sekali).